

MALAYSIA

# Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil- 3 5

TAMBAHAN

No. 23 \_\_\_\_\_ **14hb November 1991** \_\_\_\_\_ No 11

## RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bill introduced into Parliament is published for general information:

Akta Kewangan (No. 2) 1991—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 6hb November 1991*).

Finance (No. 2) Act 1991—(*Presented and read afirst time in the Dewan Rakyat on 6th November 1991*).



D.R. 37/91

Naskhah Sahih:

Bab II, III & VI—Bahasa Inggeris

Bab IV & V—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN  
(No. 2) 1991

SUSUNAN PASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas.
2. Pindaan dan pemansuhan.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

3. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.
4. Pindaan seksyen 18.
5. Pindaan seksyen 34.
6. Pindaan seksyen 43.
7. Pindaan seksyen 44.
8. Pindaan seksyen 46.
9. Pindaan seksyen 47.
10. Pindaan seksyen 48.
11. Pindaan seksyen 49.
12. Pindaan seksyen 50.
13. Pindaan seksyen 60.
14. Pindaan seksyen 60o.
15. Pindaan seksyen 60E.
16. Pindaan seksyen 95.

Fasal

17. Pindaan Jadual 1.
18. Pindaan Jadual 3.
19. Pindaan Jadual 6.

### BAB III

#### PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN TAMBAHAN 1967

20. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
21. Pindaan seksyen 16.

### BAB IV

#### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

22. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
23. Pindaan seksyen 16.
24. Pindaan seksyen 17.
25. Pindaan seksyen 21B.
26. Pindaan Jadual 2.

### BAB V

#### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

27. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.
28. Pindaan seksyen 3.
29. Pindaan seksyen 4.
30. Pindaan seksyen 7.
31. Pindaan seksyen 8.

### BAB VI

#### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

32. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Setem 1949.
33. Pindaan seksyen 2.

Fasal

34. Pemotongan seksyen 34.
35. Pindaan seksyen 42.
36. Pindaan seksyen 43.
37. Pindaan seksyen 44.
38. Pindaan seksyen 45.
39. Penggantian seksyen 47.
40. Pemotongan seksyen 54 dan 62.
41. Pindaan seksyen 63.
42. Pindaan seksyen 65.
43. Pindaan Jadual Pertama.
44. Pindaan Jadual Kedua.

## BAB VII

PEMANSUHAN ENAKMEN DUTI HARTA PESAKA 1941,  
ORDINAN DUTI HARTA PESAKA BAGI SABAH, ORDINAN  
DUTI HARTA PESAKA BAGI SARAWAK, AKTA KEWANGAN  
(DUTI HARTA PESAKA) 1965, AKTA KEWANGAN (DUTI  
HARTA PESAKA) 1971, AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA  
PESAKA) 1979, DAN AKTA KEWANGAN  
(DUTI HARTA PESAKA) 1980

45. Mula berkuatkuasanya Bab ini.
46. Pemansuhan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, dll. dan kecualian.



## RANG UNDANG-UNDANG,

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Setem 1949, dan memansuhkan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Perutan Agung dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

### BAB I

#### PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1991. Tajuk ringkas.
2. (1) Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Setem 1949 adalah dipinda masing-masingnya mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab II, III, IV, V dan VI. Pindaan dan pemansuhan.  
Akta 55.  
Akta 54.  
Akta 378.

*F.M.S. 7141.*  
*Sabah*  
*Bab 42,*  
*Sarawak*  
*Bab 29.*  
*Akta 29/65.*  
*Akta 219.*  
*Akta 224.*  
*Akta 309.*

(2) Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 adalah dimansuhkan mengikut cara yang dinyatakan dalam Bab VII.

## BAB II

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Mula berkuatkuasanya pindaannya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967.

3. (1) Kecuali bagi seksyen 6, 7, 11, 12, dan 18 (*a*), Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(2) Seksyen 6, 11, 12 dan 18(*a*) hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1991 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya.

(3) Seksyen 7 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.

Pindaan seksyen 18. Akta 53.

4. Seksyen 18 Akta Cukai Pendapatan 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja takrif "defined value", takrif baru yang berikut:

' "disabled person" means any individual certified in writing by the Department of Social Welfare to be a disabled person; '.

Pindaan seksyen 34.

5. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda—

(*a*) dalam subseksyen (6)—

(i) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (*c*);

(ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (*d*) dengan perkataan "; and"; dan

- (iii) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (d), perenggan baru (e) yang berikut:

"(e) an amount equal to the amount of expenditure incurred by the relevant person in the relevant period on the provision of any equipment necessary to assist any disabled person employed by him in the production of gross income of his from the business."; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (8) dengan yang berikut:

"(8) Where any deduction in respect of any matter is capable of being made under this section, no deduction or allowance in respect of that matter shall be made under section 33 or Schedule 3, as the case may be."

6. Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan ", 4A or 4B" dalam perenggan (c) subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "or 4A". Pindaan seksyen 43.

7. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dalam subseksyen (7)— Pindaan seksyen 44.

- (a) dengan memotong perkataan "or" di hujung perenggan (d) dalam takrif perkataan "organisation";
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (e) dalam takrif perkataan "organisation" dengan perkataan "; or"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (e) di dalam takrif perkataan "organisation", perenggan baru (f) and (g) yang berikut:

"(c) a Government-assisted organisation engaged solely in addressing problems relating to industrial and commercial

development and promoting and enhancing the relationship between the public sector and the private sector; or

- (g) a Government-assisted organisation established and maintained exclusively to administer and augment a fund established or held solely for promoting national unity."

Pindaan  
seksyen 46.

8. Seksyen 46 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "and" di hujung perenggan (b):
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan "; and"; dan
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan (c), perenggan baru (d) yang berikut:

"(d) an amount limited to a maximum of three thousand ringgit expended in that basis year by that individual for the purchase of any necessary basic supporting equipment for his own use, if he is a disabled person, or for the use of his wife, child (as defined in section 48 (9)) or parent, who is a disabled person."

Pindaan  
seksyen 47.

9. Seksyen 47 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong noktah bertindih dan proviso kepadanya dalam subseksyen (1).

Pindaan  
seksyen 48.

10. Seksyen 48 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "sixteen" dalam perenggan (a) dengan perkataan "eighteen";
- (ii) dengan menggantikan perenggan (d) dengan yang berikut:

"(d) pays (wholly or in part) in that basis year for the maintenance at

any time in that basis year of an unmarried child if it is proved to the satisfaction of the Director General that the child is physically or mentally disabled,";

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "one thousand" dalam perenggan (b), perkataan-perkataan "six hundred"; dan
- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "sixteen" dalam perenggan (a) dengan perkataan "eighteen".

11. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 49.

- (a) dengan memotong noktah bertindih dan proviso kepadanya dalam subseksyen (1); dan
- (b) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (!A) yang berikut:

"(!A) Where section 50 (3) (b) or (c) applies, there shall be allowed for that year of assessment, in addition to the deduction allowed under subsection (1), a deduction of the aggregate amount of the payments or contributions or both made by the wife or a deduction of three thousand five hundred ringgit, whichever is the less:

Provided that where the wife has no total income the total deduction under subsection (1) and this subsection shall not exceed three thousand five hundred ringgit."

12. Seksyen 50 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (b) subseksyen (3) dengan yang berikut:

Pindaan  
seksyen 50.

- "(b) where the wife makes an election under section 45 (2) or where the wife has no total income for the year of assessment to which the relevant year relates any premium for any

insurance or deferred annuity within the meaning of paragraph (a) which is paid by the wife in the relevant year shall be deemed to have been paid by the husband;".

Pindaan  
seksyen 60.

13. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (7) selain daripada proviso dengan yang berikut:

"(7) Where an insurer carrying on general business has—

(a) re-insured the risk or part of the risk with a re-insurer who either does not carry on the business of insuring risks of that kind in Malaysia or does not re-insure the risk through a branch in Malaysia; or

Act 444.

(b) re-insured the risk or part of the risk with an insurer licensed under the Offshore Insurance Act 1990,

there may be deducted under subsection (5) (b) (ii) or (6) (b) (ii) in respect of such risks which are re-insured only ninety-five per cent of the amount which would otherwise be deductible:".

Pindaan  
seksyen 60D.

14. Seksyen 60D Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "two" dalam proviso kepada subseksyen (1) dengan perkataan "three";

(b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan yang berikut:

"(3) Where a venture capital company incurs a loss on the disposal of shares in a venture company or on the liquidation of a venture company in the basis period for a year of assessment, such loss shall be allowed as a deduction under section 43 (2) or 44 (2) in computing the aggregate income or total income of the venture capital company, as the case may be."; dan

- (c) dengan menggantikan proviso kepada subseksyen (4) dengan yang berikut:

"Provided that where, by reason of an absence or insufficiency of such total income for that year of assessment, effect cannot be given or cannot be given in full to any deduction falling to be made to the venture capital company under this section for that year, that deduction which has not been so made shall be made to the company for any subsequent year of assessment."

5. Seksyen 60E Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 60E.

- (a) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (4A) yang berikut:

"(4A) The chargeable income of an approved operational headquarters company, resident in Malaysia for the basis year for a year of assessment, in relation to the source consisting of the provision of qualifying services, after deduction of the tax thereon, shall be credited to an account to be kept by that company (that account and that company being referred to as the exempt account and the relevant company respectively)."; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan yang berikut:

"(6) Paragraphs 5 and 6 of Schedule 7A shall apply as if any reference in those paragraphs to any income exempted or which has become exempt under paragraph 3 were reference to income credited to the exempt account under subsection (4A) or income exempt under subsection (5)."

Pindaan  
seksyen 95

16. Seksyen 95 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "five ringgit" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "twenty-five ringgit".

Pindaan  
Jadual 1.

17. Jadual I kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan kadar-kadar yang terdapat di Bahagian IV dengan yang berikut:

"Chargeable Income	Rate of income tax
For every ringgit of the first \$10,000	4 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	6 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	9 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	12 per cent
For every ringgit of the next \$10,000	15 per cent
For every ringgit of the next \$25,000	19 per cent
For every ringgit of the next \$25,000	23 per cent
For every ringgit of the next \$50,000	27 per cent
For every ringgit of the next \$100,000	30 per cent
For every ringgit of the next \$250,000	33 per cent
For every ringgit exceeding \$500,000	35 per cent".

Pindaan  
Jadual 3.

18. Jadual 3 kepada Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan angka-angka "1975" dalam subperenggan (2) perenggan 2 dengan angka-angka "1991";

(b) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan 2, perenggan baru 2A, 2B dan 2c yang berikut:

"2A. Subject to this Schedule, where any person had in use machinery or plant for a non-business purpose, and that machinery or plant is subsequently brought into use for the purposes of a business of his, he is deemed to have incurred qualifying plant expenditure in

relation to that machinery or plant and the amount of the qualifying plant expenditure shall be taken to be the market value of the machinery or plant on the day the machinery or plant was so brought into use.

2B. Subject to this Schedule, where—

- (a) any person is exempt from tax by or under this Act; or
- (b) any income of any person is exempt from tax by or under this Act,

and the person had in use machinery or plant for the purposes of a business of his during the exempt period and the machinery or plant continues to be used for the purposes of a business of his immediately after the exempt period, he shall be deemed to have incurred qualifying plant expenditure and the amount of the qualifying plant expenditure in respect thereof shall be taken to be the market value or the net book value, whichever is the lower, of the machinery or plant on the day the exemption ceases.

2c. Subject to this Schedule, where machinery or plant is brought into use for the purposes of a business in Malaysia by any person and prior thereto the machinery or plant had been used for the purposes of a business outside Malaysia, the person shall be deemed to have incurred qualifying plant expenditure and the amount of the qualifying plant expenditure in respect thereof shall be taken to be the market value or the net book value of the machinery or plant, whichever is the lower, on the day the machinery or plant was so brought into use in Malaysia.";

- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "expenditure" di hujung perenggan 10, perkataan-perkataan "or such other fraction as may be prescribed"; dan

- (d) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan 13, perenggan baru 13A yang berikut:

"13A. Notwithstanding paragraph 10, 11 or 11A no initial allowance shall be made to a person for a year of assessment in relation to an asset and a business of his referred to in paragraphs 2A, 2s, or 2c, as the case may be."

Pindaan  
Jadual 6.

19. Jadual 6 kepada Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan-perkataan "literary or" dalam perenggan 32;
- (b) dengan menggantikan perkataan "three" dalam perenggan 32A dengan perkataan "six";
- (c) dengan memasukkan, selepas sahaja perenggan 32A, perenggan baru 32B yang berikut:

"32B. Income of twelve thousand ringgit for the basis year for a year of assessment derived by an individual resident in Malaysia for that basis year from royalty or payment in respect of the publication of, or the use of or the right to use, any literary work."; dan

- (d) dengan menggantikan perenggan 35 dengan yang berikut:

"35. Interest paid or credited to any individual—

- (a) in respect of securities or bonds issued by the Government; or
- (b) in respect of bonds, other than convertible loan stock, issued by public companies listed on the Kuala Lumpur Stock Exchange."

## BAB III

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN  
TAMBAHAN 1967

20. Bab ini hendaklah berkuatkuasa bagi tahun taksiran 1992 dan tahun-tahun taksiran yang berikutnya. Mula berkuatkuasanya pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967.
21. Seksyen 16 Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "three" yang terdapat selepas perkataan-perkataan "rate of" dalam perenggan (a) dan (b) dengan perkataan "two". Pindaan seksyen 16. Akta 54.

## BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

22. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb November 1991. Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.
23. Seksyen 16 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 16. Akta 169.

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan-perkataan "dan hendaklah memasukkan dalam taksiran itu sejumlah wang yang sama banyaknya dengan sepuluh peratus daripada amaun itu, yang hendaklah disifatkan sebagai suatu kenaikan dari jenis yang disebutkan dalam seksyen 21 (4)";

- (ii) dengan memasukkan, selepas itu, subseksyen baru (1A) yang berikut:

"(1A) Jika Ketua Pengarah membuat suatu taksiran ke atas pemeroleh di bawah subseksyen (1) (b), maka hendaklah dimasukkan dalam taksiran itu sejumlah wang yang sama banyaknya dengan sepuluh peratus daripada cukai yang kena dibayar oleh pelupus itu, yang hendaklah disifatkan sebagai satu kenaikan daripada jenis yang disebutkan dalam seksyen 21 (4)."; dan

- (b) dalam subseksyen (2), dengan memotong angka "(1)" dalam perenggan (b).

Pindaan  
seksyen 17.

24. Seksyen 17 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "tertakluk kepada seksyen-kecil (2)—" dalam perenggan (c).

Pindaan  
seksyen 21D.

25. Seksyen 21B Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) subseksyen (I) dengan yang berikut:

"(a) Pemeroleh itu hendaklah, sehingga dia menerima perakuan kelulusan daripada Ketua Pengarah di bawah seksyen 21 A, memegangsimpan kesemua wang itu atau jumlah wang tidak melebihi lima peratus daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana yang lebih rendah;"

Pindaan  
Jadual 2.

26. Jadual 2 kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "nilai aset itu bagi maksud-maksud duti harta pesaka" dalam subperenggan (3) perenggan 19 dengan perkataan-perkataan "nilai pasaran aset itu seperti pada tarikh kematian orang yang mati itu".

## BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI  
PERKHIDMATAN 1975

27. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

28. Seksyen 3 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan menggantikan perenggan (a) dan (b) dengan yang berikut:

Pindaan seksyen 3. Akta 151.

"(a) mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan (kemudian daripada ini dalam Akta ini disebut perkhidmatan yang kena dibayar cukai) yang disediakan sama ada oleh atau di mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan atau tempat perniagaan yang ditetapkan;

(b) mana-mana barang yang ditetapkan (kemudian daripada ini dalam Akta ini disebut barang yang kena bayar cukai) yang dijual atau dibekalkan sama ada oleh atau di mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan atau tempat perniagaan yang ditetapkan."

29. Seksyen 4 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan seksyen 4.

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "caj", perkataan ". premium";

(b) dalam perenggan (a)—

(i) dengan menomborkan semula subperenggan (ii) sebagai subperenggan (iii);

(ii) dengan memasukkan, selepas sahaja subperenggan (i), subperenggan baru (ii) yang berikut:

"(ii) premium untuk perlindungan insurans;" dan

- (iii) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "sesuatu caj" dan "caj" dalam subperenggan (iii) yang dinomborkan semula, perkataan-perkataan "atau premium".

- Pindaan seksyen 7. 30. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "di mana-mana" dengan perkataan-perkataan "sama ada di mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan atau".
- Pindaan seksyen 8. 31. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "di mana-mana" dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan "sama ada di mana-mana tempat perniagaan profesional yang ditetapkan atau".

## BAB VI

### PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA SETEM 1949

- Mula berkuatkuasanya pindaan-pindaan kepada Akta Setem 1949. 32. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.
- Pindaan seksyen 2. Akta 378. 33. Seksyen 2 Akta Setem 1949, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong takrif "bank note", "bill of exchange", "bill of exchange payable on demand", "bill of lading" dan "receipt".
- Pemotongan seksyen 34. 34. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 34.
- Pindaan seksyen 42. 35. Seksyen 42 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "bill of exchange," dalam subseksyen (1).
- Pindaan seksyen 43. 36. Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "bill of exchange," di mana-mana jua terdapat dalam subseksyen (1), (2), (3) dan (5).

37. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "bill of exchange or" di mana-mana jua terdapat. Pindaan seksyen 44.

38. Seksyen 45 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "bill of exchange payable on demand or at sight or on presentation, or any" dan "bill or". Pindaan seksyen 45.

39. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 47 dengan yang berikut: Penggantian seksyen 47.

"Stamping of instrument after execution. 47. Save where other express provision is made by this or any other Act, any unstamped or insufficiently stamped instrument not being a cheque or promissory note drawn or made within Malaysia may be stamped after execution on payment of the unpaid duty if the instrument is presented for stamping within thirty days of its execution if executed within Malaysia, or within thirty days after it has been first received in Malaysia if it has been executed out of Malaysia."

40. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 54 dan 62. Pemotongan seksyen 54 dan 62.

41. Seksyen 63 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "bill of exchange," dalam perenggan (c). Pindaan seksyen 63.

42. Seksyen 65 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 65.

(a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan-perkataan "any bill of exchange or"; dan

(b) dalam perenggan (a) dan (b), dengan memotong perkataan-perkataan "bill or".

Pindaan  
Jadual  
Pertama.

**43. Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dengan memotong butiran 17, 18, dan 19;
- (b) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) bagi pengecualian-pengecualian di bawah butiran 32 dengan koma bertitik dan memasukkan, selepas itu, perenggan baru (d) yang berikut:
  - "(d) Transfer or assignment on sale of any copyright, trade mark, patent or any similar right.";
- (c) dengan menggantikan butiran 61 dengan yang berikut:
  - "PROTEST OF NOTE, that is to say, any declaration in writing made by a Notary Public, or other person lawfully acting as such, attesting the dishonour of a promissory note"; dan
- (d) dengan memotong butiran 64.

Pindaan  
Jadual  
Kedua.

**44. Jadual Kedua kepada Akta ibu adalah dipinda—**

- (a) dengan memotong butiran 2 dan 3;
- (b) dengan menggantikan perkataan "BILL" dalam butiran 15 dengan perkataan "NOTE"; dan
- (c) dengan memotong butiran 17.

## BAB VII

PEMANSUHAN ENAKMEN DUTI HARTA PESAKA 1941, ORDINAN DUTI HARTA PESAKA BAGI SABAH, ORDINAN DUTI HARTA PESAKA BAGI SARAWAK, AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1965, AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1971, AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1979 DAN AKTA KEWANGAN (DUTI HARTA PESAKA) 1980

Mula ber-  
kuatkuasa-  
nya Bab ini.

45. Bab ini hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb November 1991.

46. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980 adalah dimansuhkan.

Pemansuhan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941, dll. dan kecualian. P.M.S. 7/41. Sabah Bab 42. Sarawak Bab 29. Akta 29165. Akta 38. Akta 219. Akta 224.

(2) Pemansuhan undang-undang yang disebut dalam subseksyen (1) tidak menjejaskan kuatkuasa undang-undang tersebut terhadap mana-mana orang yang mati sebelum mula berkuatkuasanya pemansuhan undang-undang tersebut seolah-olah pemansuhan itu telah tidak dibuat.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Pendapatan Tambahan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1975 dan Akta Setem 1949, dan memansuhkan Enakmen Duti Harta Pesaka 1949, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1980.

### *Bab II—Pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967*

1. *Fasal 4* bertujuan memasukkan takrif "disabled person" ke dalam seksyen 18. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

3. *Fasal 5 (a)* bertujuan memasukkan satu perenggan baru (*e*) ke dalam seksyen 34 untuk membenarkan potongan sepenuhnya kepada seseorang majikan ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya bagi membeli apa-apa alat yang perlu untuk membantu pekerja hilang upaya dalam menjalankan fungsi dan tugasnya. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

4. *Fasal 7* bertujuan memasukkan dua perenggan baru (*f*) dan (*g*) ke dalam seksyen 44 (7) untuk memperluaskan erti perkataan "organisation" bagi merangkumi organisasi di bantu Kerajaan yang terlibat semata-mata dalam mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pembangunan industri dan komersil, dan organisasi yang ditubuhkan dan diselenggarakan khas untuk mentadbir dan menambah kepada suatu tabung semata-mata untuk menggalakkan perpaduan negara. Pindaan itu disitatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1990.
5. *Fasal 8* bertujuan memasukkan satu perenggan baru (*d*) ke dalam seksyen 46 untuk memberi relif kepada seorang individu sehingga maksimum tiga ribu ringgit bagi pembelian apa-apa alat sokongan asas yang perlu untuk kegunaannya sendiri atau untuk kegunaan isterinya, anak atau ibu bapanya yang adalah seorang hilang upaya. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.
6. *Fasal 10* bertujuan meminda seksyen 48 (1) untuk menaikkan had umur bagi maksud relif anak daripada enam belas kepada lapan belas tahun dan menaikkan amaun relif bagi seorang anak hilang upaya daripada seribu ringgit kepada seribu enam ratus ringgit. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.
7. *Fasal 12* bertujuan menggantikan perenggan (*b*) seksyen 50 (3) bagi memperunlukkan bahawa selain daripada dalam kes di mana seorang isteri membuat pilihan di bawah seksyen 45 (2), pembayaran apa-apa premium insurans atau anuiti tangguhan oleh isteri adalah juga disifatkan telah dibayar oleh suami jika isteri tidak mempunyai jumlah pendapatan. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1991.
8. *Fasal 13* bertujuan menggantikan subseksyen (7) seksyen 60 bagi memperuntukkan sekatan potongan kepada sembilan puluh lima peratus bagi premium yang dibayar oleh perniagaan insurans am berkaitan dengan apa-apa insurans semula dengan penanggung insurans yang dilesenkan di bawah Akta Insurans Luar Pesisir 1990, sama seperti dalam kes insurans semula dengan penanggung insurans luar pesisir. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.
9. *Fasal 14 (a)* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 60D untuk melanjutkan tempoh pengecualian berkaitan dengan pelupusan syer dalam syarikat usahaniaga oleh syarikat modal usahaniaga daripada dua kepada tiga tahun. *Subfasal(b)* bertujuan meminda subseksyen (3) seksyen 60D untuk membenarkan kerugian yang dilakukan oleh syarikat modal usahniaga kerana pelupusan syer dalam syarikat usahaniaga dan kerana pembubaran syarikat usahaniaga ditolak di bawah seksyen 43 (2) atau 44 (2). *Subfasal (c)* bertujuan memperuntukkan dalam proviso kepada subseksyen (4) seksyen 60D bagi perbelanjaan yang tidak diserap dalam suatu tahun taksiran dibawa ke hadapan. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

10. *Fasal 15* bertujuan memasukkan satu subseksyen baru (4A) dan menggantikan subseksyen (6) seksyen 60E untuk membenarkan syarikat ibupejabat operasi yang diluluskan yang bermastautin di Malaysia mengagihkan dividen setelah dibayar cukai tanpa dibuat potongan cukai berkaitan dengan dividen tersebut. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

11. *Fasal 17* bertujuan menggantikan Bahagian IV Jadual I yang berkaitan dengan koperasi. Pindaan yang dicadangkan bertujuan mengurangkan kadar cukai ke atas pendapatan yang boleh dikenakan cukai bagi koperasi. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

12. *Fasal 18* bertujuan meminda Jadual 3 dengan memasukkan perenggan baru 2A, 2s, 2c dan 13A. Perenggan 2A bertujuan memperuntukkan perbelanjaan loji yang layak bagi jentera atau loji yang telah digunakan bagi maksud bukan perniagaan sebelum ia digunakan bagi -maksud perniagaan. Perbelanjaan loji yang layak yang akan diambil kira ialah harga pasaran bagi jentera atau loji itu pada hari ia digunakan bagi maksud perniagaan. Perenggan 2B bertujuan memperuntukkan perbelanjaan loji yang layak berkenaan dengan jentera atau loji yang telahpun digunakan semasa tempoh pengecualian dan terus digunakan sedemikian berkenaan dengan perniagaan itu selepas tempoh pengecualian. Perbelanjaan loji yang layak yang akan diambil kira ialah harga pasaran atau nilai bersih " buku, mengikut mana yang lebih rendah, pada hari ia digunakan sedemikian. Perenggan 2c bertujuan memperuntukkan bahawa jentera atau loji yang telah digunakan di luar Malaysia dan dibawa masuk untuk kegunaan perniagaan di dalam Malaysia layak mendapat elaun di bawah Jadual 3. Amaun perbelanjaan loji yang layak yang akan diambil kira ialah harga pasaran atau nilai bersih buku, mengikut mana yang lebih rendah, bagi jentera atau loji pada hari ia dibawa masuk untuk digunakan di Malaysia. Perenggan BA bertujuan memperuntukkan bahawa tiada elaun permulaan boleh diberi bagi jentera atau loji yang disebut dalam perenggan 2A, 2s atau 2c. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

13. *Fasal 19* bertujuan meminda Jadual 6. Dengan pindaan yang dicadangkan pengecualian daripada cukai bagi pendapatan yang diperolehi daripada penterjemahan buku atau karya sastera di bawah perenggan 32A ditambah daripada tiga kepada enam ribu ringgit. Perenggan 32B yang dicadangkan bertujuan menambah pengecualian yang diberi kepada penulis berkaitan dengan pendapatan yang diperolehi daripada royalti atau bayaran berkenaan dengan penerbitan atau penggunaan alau hak untuk menggunakan apa-apa karya sastera daripada enam ribu kepada dua belas ribu ringgit. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

14. Semua pindaan lain dalam Bab ini adalah kecil atau berbangkit.

*Bab III—Pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan Tambahan  
1967*

15. *Fasal 21* bertujuan mengurangkan kadar cukai pembangunan daripada tiga peratus kepada dua peratus. Pindaan itu berkuatkuasa dari tahun taksiran 1992.

*Bab IV—Pindaan-pindaan kepada Akta Cukai Keuntungan  
Harta Tanah 1976*

16. *Fasal 25* bertujuan menggantikan perenggan (a) seksyen 21B (1) untuk memperuntukkan bahawa pemeroleh hendaklah memegangsimpan kesemua wang balasan atau sejumlah yang tidak melebihi lima peratus daripada jumlah nilai balasan itu, mengikut mana yang lebih rendah, sehingga dia menerima perakuan kelulusan daripada Ketua Pengarah berkenaan dengan apa-apa pelupusan yang baginya Akta terpakai. Pindaan itu disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb November 1991.

17. Semua pindaan lain dalam Bab ini adalah kecil atau berbangkit.

*Bab V—Pindaan-pindaan kepada Akta Cukai  
Perkhidmatan 1975*

18. Bab ini bertujuan memperluaskari skop pengenaan cukai atas perkhidmatan-perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam peraturan 3 Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 1975.

*Bab VI—Pindaan-pindaan kepada Akta Setem 1949*

19. Bab ini bertujuan meminda Akta Setem 1949 untuk menghapuskan duti setem yang kena dibayar ke atas suratcara terdiri daripada bil pertukaran, bil pertukaran yang kena bayar bila dituntut, bil muatan dan resit, dan mengecualikan daripada duti setem apa-apa pindahmilik atau penyerahakan atas jualan hakcipta, cap dagangan, paten atau apa-apa hak yang sama. Pindaan itu disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1992.

*Bab VII—Pemansuhan Enakmen Duti Harta Pesaka 1941,  
Ordinan Duti Harta Pesaka bagi Sabah, Ordinan Duti Harta  
Pesaka bagi Sarawak, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka)  
1965, Akta Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1971, Akta  
Kewangan (Duti Harta Pesaka) 1979 dan Akta Kewangan  
(Duti Harta Pesaka) 1980*

20. Bab ini bertujuan memansuhkan duti harta pesaka mulai dari 1hb November 1991. Pemansuhan ini, walau bagaimanapun, tidak akan menjejaskan kuatkuasa undang-undang yang dimansuhkan itu terhadap seseorang yang mati sebelum 1hb November 1991.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1691.]